

27/04/2002

Anwar diarah bayar RM35,381 kepada Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mahkamah Rayuan di sini hari ini, memerintahkan Datuk Seri Anwar Ibrahim membayar kos perbicaraan sebanyak RM35,381 kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung rayuan saman malunya sebanyak RM100 juta yang ditolak Mahkamah Tinggi pada 9 Disember 1999.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan, Mohd Nasir Yahya membuat keputusan itu selepas menangguhkan pada 8 Mac lalu. Perdana Menteri diwakili peguam bela Fadzilah Mohd Pilus manakala Karpal Singh mewakili Anwar dalam prosiding itu.

Dr Mahathir memohon kos sebanyak RM152,755. Pada 9 Disember, 2000, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R.K.Nathan yang membatalkan saman Anwar terhadap Dr Mahathir, dengan kos.

Anwar memfailkan saman itu pada Januari 1999 dengan mendakwa bahawa Dr Mahathir berbohong dan berniat jahat apabila memberitahu sidang media di Jabatan Perdana Menteri bahawa beliau (Anwar) melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

Dr Mahathir dalam kenyataan pembelaannya berkata beliau mengucapkan kata-kata itu dalam kedudukannya sebagai Perdana Menteri dengan perlindungan bersyarat.

Ia adalah kali ketiga Anwar diperintah membayar kos kepada Dr Mahathir bersabit saman itu.

Pada 17 April tahun lalu, Anwar diarah membayar RM85,284.80 sebagai kos prosiding di Mahkamah Tinggi dan pada 6 Julai tahun lalu, dia diperintah membayar RM18,489 lagi sebagai kos prosiding di Mahkamah Persekutuan.

Pada 23 Febrauri tahun lalu, Mahkamah Persekutuan menolak dengan kos permohonan Anwar untuk memohon kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Anwar kini menjalani hukuman penjara selama 15 tahun kerana amalan rasuah dan liwat.

Mahkamah Persekutuan menangguhkan penghakiman terhadap rayuan Anwar untuk mengetepikan sabitan penjara enam tahun di atas empat kesalahan rasuah.

(END)